November 7, 2023

# FPHP BULLETIN

# HOT & TOUR

NEWSLETTER VOL. 2/2023

*"Together, We Make it Great!"*



## FPHP 2023 EVENTS & ACTIVITIES

ACADEMIC TRIP TO UNESCO WORLD HERITAGE SITE IN GEORGETOWN, PENANG

Knowledge Transfer on Food and Beverage Industry by Mandarin Hotel Doha, Qatar

Kursus Etika di Meja Makan

## 2023 HIGHLIGHTS

HADRAH 7.0

PERTANDINGAN 'BATTLE OF EMPOWER BARISTA ART'

Afternoon Tea: A Timeless Tradition (HTP283- Cafe Service Operation)

**Faculty of Hotel & Tourism Management**
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh, PENANG
Tel:04 3823888 Fax: 04 3823861

HOT & TOUR NEWSLETTER
NOV. VOL.2/2023
https://anyflip.com/homepage/oistf
https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm
ISSN 2231-7422

# Program Catering Events and Operation: An Industry Perspective Bersama Klassique Touch Academy

Oleh: Ahmad Hidayat Ahmad Ridzuan & Ashraf Siddik Khan Abdul Rahim Siddiqe

Pada hari Jumaat, 9 Jun 2023, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang telah menganjurkan satu sesi ceramah bersama pihak industri yang bertajuk CATERING EVENTS AND OPERATIONS: AN INDUSTRY PERSPECTIVES bertempat di Dewan Kuliah Perdana 1, Bangunan Laman Perdana.



Events Highlights

Program anjuran pelajar semester empat (4) Diploma Pengurusan Perkhidmatan Makanan ini telah dirasmikan dengan jayanya oleh Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Prof. Dr. Hashim Fadzil Ariffin dan turut dihadiri oleh beberapa orang pensyarah lain. Tujuan program ceramah ini dijalankan adalah untuk berkongsi ilmu dan memberi pendedahan serta pengetahuan kepada pelajar tentang tatacara dan kaedah pengurusan acara yang sebenar, yang turut melibatkan aktiviti penyediaan makanan atau perkhidmatan katering.

Pada program tersebut, pihak penganjur telah menjemput penceramah dari industri iaitu Encik Ahmad Zaim Bin Ahmad Ridzuan, Pengurus Besar KLASSIQUE TOUCH ACADEMY yang merupakan sebuah syarikat pengurusan acara yang berpengalaman luas di Selangor. Sesi perkongsian ilmu selama hampir dua (2) jam itu turut membuka minda pelajar serta memberi peluang kepada pelajar untuk bersoal jawab bersama penceramah. Pelajar-pelajar yang hadir juga turut diberi kata-kata semangat serta galakan oleh penceramah untuk menerokai dan menceburi bidang ini setelah bergraduat kelak.

Pelaksanaan program seperti ini yang melibatkan kerjasama dengan pihak industri menjadi fokus utama fakulti kerana selain dapat memberi ilmu dan pendedahan berkaitan pengurusan acara dengan lebih mendalam, ianya juga turut membantu memberi gambaran berbeza dari sudut pandang industri kepada pelajar.

Diharapkan program perkongsian ilmu dari industri seperti ini dapat dianjurkan lagi pada semester-semester yang akan datang bagi memberi ruang dan peluang kepada pelajar menimba dan mempelajari sesuatu ilmu hasil dari kolaborasi akademik dan industri.